

Orang Melayu diseru jangan pecah belah

SABAK BERNAM, Isnin — Orang Melayu terutama ahli-ahli Umno diseru jangan berpecah belah supaya pengaruh parti lawan dan subversif tidak mudah meresap ke dalam masyarakat, nasihat Menteri Besar Selangor, Datuk Haji Ahmad Razali Haji Mohd. Ali.

"Perpecahan di kalangan orang Melayu mesti dielakkan, sebaliknya mengekalkan perpaduan kerana perpaduan adalah senjata penting bagi memperjuangkan kepentingan kita," katanya sewaktu majlis merasmikan ulang tahun ke-34 Umno cawangan Bagan Terap kira-kira 32 km dari sini hari ini.

Katanya, sekiranya perpecahan berlaku di kalangan orang Melayu, hanya parti lawan dan komunis yang akan menanggung untung.

"Tidak ada parti lain dapat mewakili orang Melayu

dan paling berkesan tindakannya selain dari Umno. Oleh itu, kita harus berwaspada supaya tidak terperangkap dengan kegiatan parti lawan yang cuba memecah-belahkan kita terutama di kalangan ahli-ahli Umno," katanya.

Bellau berharap orang Melayu akan meneruskan perjuangan Umno dan menyokong parti itu, tetapi bukan hanya menyokong wakil-wakil rakyatnya sahaja.

"Para pemimpin Umno akan datang dan pergi silih berganti. Tetapi parti Umno akan terus tegak berjuang bagi kepentingan orang Melayu hingga hari kiamat," tegas bellau.

Buluh kuning

Datuk Haji Ahmad Razali menggalakkan orang kampung berdikari dan jangan terlalu berharap kepada bantuan Kerajaan sahaja lebih-lebih lagi dalam keadaan ekonomi negara sekarang.

"Petua untuk mengelakkan tikus atau serangga yang menyerang padi dengan menggunakan buluh kuning patut dicuba lagi, dan sekiranya berjaya akan dapat menyelamatkan beratus ribu ringgit wang kerajaan untuk memberi bantuan kepada petani membeli racun serangga," katanya.

Bellau yang juga Ketua Perhubungan Umno Selangor berharap demi kepentingan masa depan bangsa Melayu, kurangkanlah mengamalkan perancang keluarga di kalangan masyarakat Melayu, sebaliknya jika boleh, ramalkan lagi generasi Melayu di masa akan datang.

Bellau juga menyeru para pelajar Melayu menumpukan masa sepenuhnya kepada pelajaran.

Menteri Besar itu memberi jaminan kerajaan akan memberi bantuan kepada rakyat termasuk menyediakan kemudahan awam yang diperlukan seperti sekolah, jalan raya, bekalan elektrik, air paip dan sebagainya.

"Tetapi semua ini tidak dapat kita adakan dalam masa yang singkat. Namun usaha akan dijalankan secara berperingkat yang akhirnya akan mencakupi semua keperluan utama tadi," tegas bellau.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia